

UPM lancar promosi martabatkan pertanian

Oleh Norzilawati Abdul Halim

MEMPROMOSI program pertanian ditawarkan Universiti Putra Malaysia (UPM) ke sekolah adalah antara usaha akan dilakukan institusi pengajian tinggi itu dalam memartabatkan sektor berkenaan, sekali gus menjadikannya pusat kecemerlangan pendidikan pertanian di negara ini.

Dekan Fakulti Pertanian universiti itu, Prof Dr Mohd Khanif Yusop, berkata langkah itu perlu bagi menggalakkan pelajar mengikuti pengajian tinggi dalam bidang pertanian dan menceburi sektor itu apabila tamat belajar kelak.

Beliau berkata, usaha lain yang akan dilaksanakan ialah mewujudkan biasiswa khas bagi menggalakkan pelajar mengikuti pengajian dalam bidang pertanian di universiti itu.

Setakat ini katanya, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyambut baik cadangan mewujudkan dana biasiswa itu dan agensi pertanian kerajaan serta swasta lain diharapkan dapat bekerjasama bagi menjayakannya.

"Selain itu, kita juga akan mengadakan latihan industri dengan kerjasama pusat penyelidikan pertanian di negara maju. Menerusi usaha ini, pelajar bukan saja didedahkan kepada teknologi terkini

malah dapat memindahkannya ke negara ini.

"Pada masa sama, UPM akan terus mempertingkatkan usaha penyelidikan berasaskan teknologi pertanian dengan mewujudkan rangkaian kerjasama antara fakulti berkaitan pertanian seperti bioteknologi, teknologi makanan, kejuruteraan dan pengurusan," katanya kepada *Berita Harian*.

Beliau berkata, pelbagai usaha itu perlu dilakukan kerana kesedaran mengenai kepentingan sektor pertanian wajar diperluaskan kepada generasi baru supaya lebih ramai memilih bidang berkenaan sebagai kerjaya.

Dalam Bajet 2005 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, satu daripada tiga tumpuan bagi menjadikan Malaysia pengeluar global yang kompetitif bagi produk pertanian berkualiti tinggi, selamat dan memenuhi piawaian antarabangsa ialah membangunkan sumber tenaga mahir dengan menjadikan UPM sebagai pusat kecemerlangan pendidikan pertanian.

Dr Mohd Khanif berkata, usaha kerajaan menyediakan prasarana dilengkapi kemudahan teknologi canggih tidak akan bermakna jika tiada pelajar yang benar-benar berminat dalam sektor pertanian.

"Sehubungan itu, UPM yakin menerusi program galakan atau



Dr Mohd Khanif Yusop

mempromosi bidang pertanian yang bermula sejak di bangku sekolah lagi dapat mendedahkan kepentingan bidang berkenaan.

"Ini kerana masyarakat masih memandang rendah terhadap kerjaya petani dan penternak walaupun hakikatnya mereka adalah penyumbang utama sumber makanan negara.

"Selain itu, kerajaan turut disaran agar mengiktiraf graduan pertanian sama taraf dengan lulusan profesional seperti jurutera, doktor atau akauntan," katanya.

Apabila kerjaya dalam bidang pertanian dimartabatkan, katanya,

dijangka lebih ramai pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia menjadikannya sebagai pilihan pengajian dan akhirnya melahirkan lebih ramai pakar dalam sektor berkenaan.

Bagi menggalakkan lebih banyak penyelidikan dihasilkan, Dr Mohd Khanif berharap peruntukan dana ditingkatkan kerana terdapat banyak lagi bidang yang boleh diterokai dan dikaji pakar serta penyelidik UPM.

Katanya, sepanjang tahun ini fakulti itu menerima peruntukan RM18 juta bagi menjalankan 99 projek penyelidikan iaitu 65 daripada dana Skim Peningkatan Penyelidikan Bidang Keutamaan (Irpa), masing-masing 10 dana Kementerian Pengajian Tinggi dan geran organisasi tempatan, manakala lapan lagi geran organisasi luar negara.

"Mengenai program pengajian, fakulti ini sentiasa menaikkan taraf atau memberi nilai tambah terhadap kurikulum pengajian mengikut perkembangan semasa sektor pertanian peringkat global.

"Buat masa ini, kita menawarkan Bachelor Sains (Perniagaantani) serta dalam perancangan menawarkan program baru, iaitu Bachelor Pertanian (Pengeluaran Ternakan) dan Bachelor Pertanian (Akuakultur) bagi memenuhi keperluan tenaga profesional dalam industri akuakultur

dan ternakan haiwan," katanya.

Selain ijazah pertama, katanya, fakulti itu juga menawarkan Diploma Pertanian, Diploma Pengurusan Perladangan Makanan serta Diploma Kesihatan Haiwan dan Penternakan.

Bagi mempertingkatkan kualiti tenaga manusia dalam penyelidikan dan pengurusan pertanian berteknologi tinggi pula, Dr Mohd Khanif berkata, fakulti itu menjalankan program pasca siswazah seperti Master Sains Pertanian, Master Sains Pengurusan Perladangan, Master Sains Pengurusan Sumber Tanah dan terbaru, Master Sains Sustainable Resource Management.

"Justeru, menepati hasrat kerajaan menumpukan sektor pertanian sebagai pendapatan utama negara, UPM menerusi Fakulti Pertanian, buat julung kali akan menganjurkan Kongres Pertanian Antarabangsa di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Mines, Sri Kembangan, mulai 4 hingga 7 Oktober ini.

"Kongres bertemakan 'Pertanian Moden ke Arah Inovasi' itu akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 5 Oktober serentak pelancaran pameran Holtikultur dan Agro-Pelancangan Malaysia (Maha 2004) serta sambutan Hari Peladang dan Penternak," katanya.